



05 Jan 2017
Berita Harian, Malaysia

Author: Nor Hatina Shuib • Section: Supplement • Page: B4 • Printed Size: 854.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 29,325.00
PR value: MYR 87,975.00 • Item ID: MY0028087843

PEJABAT SETIAHUSA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 5, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



sientia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

perkahwinan.

Oleh Nor Hatina Shuib

hatina@bh.com.my

Kotak hantaran unik, kontemporari

Norain hasilkan sendiri, pilih tema pop art tampilan imej menarik

Kotak hantaran bertemakan *pop art* pastel, sentuhan seni tangan pengantin, Norain Suhati, 27, unik dan direka istimewa untuk hari bahagianya, baru-baru ini, di Taman Dato Harun, Petaling Jaya, Selangor.

Lima kotak hantaran rona pastel itu direka kreatif dengan menampilkan imej moden dan kontemporari. Ia dihasilkan Norain dengan bantuan tunangnya, Tajul Askat, 27, terutama kerja pemotongan kotak.

Bagi anak kelahiran Selangor ini, beliau lebih teruja dan memberikan kepuasan kepada dirinya untuk menghasilkan sendiri kotak hantaran, berbanding memepah atau membelinya.

Ini berikutan, selain menjimatkan wang, beliau dapat menghasilkan idea segar dan berbeza daripada orang lain. Malah, ia juga dapat memenuhi cita rasa diinginkan bagi mewarnai dan membantikkan memori lebih bermakna pada hari bahagianya.

pula menampal cetakan rekaan dan corak pilihan menerusi beberapa rona lembut selain melakukan kerja menampal satu persatu kotak berkenaan dengan teliti.

"Sebelum proses menampal, saya juga semburkan cat pada kotak menggunakan warna hitam sebagai warna asas kotak," katanya.

Beliau berkata, bagi kerja menampal, ia memerlukan ketelitian, kesabaran dan kesabar bagi mendapatkan hasil memuaskan. Ini kerana kerja membutikkan seni biasanya memerlukan komitmen dan usaha yang tinggi untuk mencapai kesempurnaan.

Gaya pop art
Katanya, corak pilihan untuk hantaran perkahwinannya itu menggunakan corak ringkas dan dipadankan dengan warna pastel yang bersesuaian dengan tema pilihan fantasi moden.

Graduan jurusan seni rekaan ini berkata, beliau menggunakan konsep *pop art* untuk sentuhan hantaran kerana memang meminati karakter seni itu sejak dulu lagi.

Pada masa sama, Norain juga sukakan sentuhan minimum bagi menyelihahkan hasil kerjanya itu.

"Awalnya, idea ini hadir ketika saya berada di pejabat menyiapkan tugas pelajaran. Kemudian, beliau gigih

pakai ini ada persamaan dengan tugas saya sebagai pereka grafik. Cuma saya adun dan adaptasi dalam gaya berbeza," katanya.

Beliau tidak menyangka, idea grafik yang sebelum ini ditolak pelanggan menjadi inspirasi dalam rekaan hantarnya dan kini menggantikan perhatian ramai.

"Pelanggan itu lebih berminat dengan konsep asal *pop art* menggunakan warna lebih menonjol dan menolak idea *pop art* dengan warna pastel. Jadi, saya ambil dan adaptasi pula dalam sentuhan hantaran perkahwinan saya. Ini kerana jarang melihat seni *pop art* ini menggunakan warna lembut kerana *pop art* lebih kepada warna pastel yang berlaku pada hujung minggu.

"*Pop art* adalah salah satu aliran seni visual yang dipoparkan oleh karyawan barat berkaitan seni yang menggambarkan imej, objek atau suasana yang berlaku pada masyarakat sehari-hari.

Lebih menarik, fokus beliau kepada hantaran perkahwinan itu lebih kepada rekaan ringkas, rona lembut yang apabila digabungkan menjadi sesuatu yang begitu istimewa.

Eksperimen hantaran perkahwinan

Katanya, proses menyiapkan hantaran itu cuma mengambil masa selama dua minggu dan disiapkan



Konsep guna pakai kotak hantaran menarik dan jimat.

pada hujung minggu.

"Kos menghasilkan hantaran ini pada mulanya memang agak tinggi kerana saya mencuba yang terbaik untuk proses penghasilan.

Jika ada kesilapan, saya hasilkan balik kotak kerana percaya hasilnya tentu lebih sempurna.

"Sebelum menghasilkan hantaran, saya cuba menyelidik setiap persatu setiap satu rangka hantaran dan apabila sudah berpusa hati, baru saya melakukan kerja seterusnya. Semua hantaran saya berbentuk petak berseri dan saya buat bertingkat memandangkan saya tidak menggunakan dulang," katanya.

Beliau berkata, mungkin disebabkan latar belakang beliau dalam bidang seni sedikit sebanyak memudahkan tugas penghasilan hantaran impian hatinya.

Tawar tempahan hantaran unik

"Ini bukan kali pertama saya menghasilkan han-

taran kerana sebelum ini saya pernah melakukan perkhidmatan menghias hantaran tapa ia cuma minat saja," katanya.

Selain hantaran beliau juga mereka sendiri busana pengantinnya selain menjahit manik pada bahagian baju.

"Saya hasilkan semua sendiri kerana tahu apa yang saya mahukan dan lebih mudah jika melakukan apa yang kita inginkan sendiri daripada menggunakan khidmat sedia ada. Ia menjadi usaha saya sendiri."

"Bagaimanapun, setiap individu memiliki kreativiti masing-masing dan minat tersendiri. Cuma jangan mudah putus asa maka terhasilah apa yang anda impikan," katanya.

Beliau berkata, selesa ini beliau mungkin mempertimbangkan untuk menawarkan perkhidmatan menghasilkan hantaran secara lebih meluas memandangkan ada bakal mempelai mahu beliau mereka gubah hantaran mereka.

Pop art


→ **Frasa 'pop'**, singkatan dari perkataan popular, manakala 'art' adalah seni.

→ **Gerakan seni moden** ini adalah peniruan kaedah, gaya dan tema popular berkaitan kebudayaan, politik, media massa, karektorik komik, pengiklanan dan sains fiksyen.

→ Gerakan dan gaya seni moden ini **mementingkan warna cerah dan ceria** untuk memberi gambaran kehidupan yang indah, harmoni, selesa dan riang sepanjang zaman.

→ Kreativiti dan inovasi membatikan **subjek flora dan fauna** diolah dalam bentuk abstrak.

→ Proses rekaan lebih **moden dan kontemporari**.



Kotak hantaran bertemakan *pop art* pastel menampilkan kelainan tersendiri.



Norain dan Tajul *raikan detik bahagia* dengan menghasilkan sendiri kotak hantaran unik.

Terima kasih

• Foto:
Photooop
co & Norain
Suhati

Headline	MPK guna juruletup haram		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	21	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	214 cm ²
Journalist	Norrasyidah Arshad	AdValue	RM 7,377
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,130



KES 14 CEDERA KENA BUNGA API

MPK guna juruletup haram

• Empat individu didapati tiada lesen kendali pertunjukan Fiesta GEGAR Klang 2016

Oleh Norrasyidah Arshad

norrasyidah@bh.com.my

► Shah Alam

Siasatan awal Polis Selangor mendapati individu yang bertanggungjawab mengendalikan bunga api pada Fiesta GEGAR Klang 2016 tengah malam Ahad lalu, adalah juruletup haram.

Ketua Polis Selangor, Datuk Abdul Samah Mat berkata, pihaknya mendapati empat individu iaitu seorang juruletup dan tiga pembantunya, tidak mempunyai lesen dari pihak polis serta Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia bagi melakukan letupan bunga api.

Katanya, pemilihan juruletup

dan tiga pembantunya itu dilakukan sendiri oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) namun pihaknya masih menyiasat sama ada MPK mengetahui berhubung status itu.

Tiada permit polis

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957 dan saya sahkan pertunjukan (bunga api) ini dilakukan tanpa permit polis kerana pengajur tidak membuat permohonan."

"Sebelum polis mengeluarkan lesen, pengajur mesti memohon kelulusan dasar dari Kementerian Dalam Negeri (KDN)

dan ia akan dipertimbangkan selepas itu.

"Jika sudah dapat permit, baru boleh letakkan bunga api yang sesuai mengikut jangka masa dibakar," katanya pada sidang media selepas Majlis Serah Terima Tugas Ketua Jabatan Pengurusan Baru, di sini, semalam.

Abdul Samah berkata, juruletup dan tiga pembantunya yang berusia lingkungan 30-an hingga 40-an itu adalah warga tempatan dan diminta tampil membantu siasatan.

Katanya, pihaknya memberikan tempoh sehingga hari ini

kepada empat individu itu tetapi sekiranya gagal berbuat demikian, pihaknya akan mengecas mereka.

"Kita sudah mengenalpasti identiti kesemua mereka. Kita akan kesan dan menahan mereka untuk siasatan lanjut, sekarang kita mahu mereka tampil secara sukarela dan mungkin mereka takut dengan kejadian yang berlaku ini."

"Kita memerlukan beberapa saksi lagi bagi melengkapkan siasatan penuh. Sehingga hari ini, seramai 21 individu sudah direkodkan keterangan termasuk 16 mangsa," katanya.

Headline	MPK guna juruletup haram		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	21	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	214 cm ²
Journalist	Norrasyidah Arshad	AdValue	RM 7,377
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,130



Juruletup dan tiga pembantunya yang berusia lingkungan 30-an hingga 40-an itu adalah warga tempatan dan diminta tampil membantu siasatan”

Abdul Samah Mat,
Ketua Polis Selangor

Headline	Pertunjukan bunga api tiada kelulusan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	21	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	86 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,555
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,665



Pertunjukan bunga api tiada kelulusan

Shah Alam: Pertunjukan bunga api di Fiesta GEGAR Klang 2016, pada malam tahun baharu 2017, Ahad lalu, tidak mendapat kelulusan daripada Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung Baru dan Pemutihan Kilang Haram Selangor, Ean Yong Hian Wah, dalam satu kenyataan, semalam, berkata ia berdasarkan kepada siasatan awal dan selepas meneliti rekod mesyuarat membabitkan program berkenaan.

Bukan komponen pertunjukan

Hian Wah berkata, pertunjukan bunga api itu bukan satu komponen atau pertunjukan dalam program Fiesta GEGAR Klang 2016.

“Pegawai yang terbabit dalam isu ini sudah diarahkan merigambil cuti mulai 3 Januari (semalam) hingga 31 Januari, sementara menunggu laporan siasatan.

“Kerajaan Negeri memandang serius mengenai insiden ini. Sebarang pegawai atau pihak yang didapati cuai dan menyalahguna kuasa akan dikenakan tindakan disiplin atau undang-undang,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Khas kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Johan Abdul Aziz, berkata MPK dan Hian Wah selaku EXCO Selangor sepatutnya bertanggungjawab dan mengakui kesilapan yang berlaku.

Headline	Zainal minta FAS lunas 13 bulan gaji tertunggak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	47	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	476 cm ²
Journalist	Syafiq Aznan	AdValue	RM 16,345
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,035



Zainal minta FAS lunas 13 bulan gaji tertunggak

• Bekas jurulatih turut gesa persatuan negeri serah surat rasmi pemecatan

Oleh Syafiq Aznan

syafiq_aznan@bh.com.my

■ Shah Alam

Bekas pengendali Selangor, Zainal Abidin Hassan yang membisu sejak Ogos lalu selepas pemecatannya, semalam bersuara dengan menuntut kepemimpinan lama Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) meluaskan 13 bulan gajinya sehingga November 2017.

Zainal yang juga 'digantung tidak bertali' kerana sehingga kini tidak mengetahui status sebenarnya bersama pasukan itu apabila masih belum menerima surat pemecatan rasmi daripada FAS, mahukan surat berkenaan secepat mungkin.

"Pihak pengurusan lama FAS sudah berjanji untuk menyelesaikan baki kontrak saya seperti yang dipersetujui, namun sehingga kini tiada kata putus mengenainya. Saya berpegang

pada janji dan kontrak yang saya tandatangani.

"Saya bukan mahu mempertahankan jawatan saya. Saya juga tidak mahu salahkan mana-mana pihak tetapi saya berurusan dengan pihak pengurusan lama kerana mereka yang bertanggungjawab untuk melantik saya sebagai jurulatih pada 2016.

"Isu ini terlalu kecil berbanding dengan kemerluat yang melanda FAS ketika ini, jadi saya mengharapkan masalah ini dapat diselesaikan serta-merta supaya saya boleh meneruskan kerjaya saya dalam bidang kejurulatihan," katanya pada sidang media di kediamannya di sini, semalam.

Dipecat menerusi SMS

Bekas pemain The Red Giants era 90-an itu dipecat Ogos lalu

selepas deretan kekalahan menimpa pasukan sehingga kehilangan status selaku pendahulu Liga Super selain tersingkir awal pada saingan Piala FA dan sekadar menamatkan saingan di peringkat kumpulan Piala AFC.

Mengulas lanjut pemecatannya selaku jurulatih yang hanya dibuat berdasarkan khidmat pesanan ringkas (SMS) dan kenyataan media, Zainal menyifatkan tindakan itu sebagai tindakan yang tidak profesional dan 'lepas tangan'.

"Saya hanya dimaklumkan mengenai pemecatan saya menerusi SMS yang ditunjukkan penolong pengurus (Hisham Ghouth) kepada saya. Saya cuba memohon untuk berjumpa pengurusan bagi menjelaskan situasi sebenar yang menyebabkan kemerosotan pasukan.

"Pengurusan berhak memecat saya, namun mereka juga seharusnya mendengar dahulu rayuan dan penjelasan saya. Namun, mereka tetap dengan pendirian untuk memecat jadi saya perlu menerima keputusan mereka secara profesional.

"Saya berhubung dengan pemangku setiausaha ketika itu (Raja Restam Azhar) untuk mendapatkan surat pemecatan saya, namun dia menyatakan bahawa dia tidak menerima arahan untuk mengeluarkan surat pemecatan kerana hanya sebagai pemangku setiausaha.

"Saya memerlukan surat pemecatan secara rasmi untuk memutuskan segala ikatan dengan FAS yang membolehkan saya mengambil langkah seterusnya dalam kerjaya saya," katanya.

Headline	Zainal minta FAS lunas 13 bulan gaji tertunggak		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	05 Jan 2017	Circulation	125,514
Section	Sukan	Readership	947,000
Page No	47	ArticleSize	476 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 16,345
Journalist	Syafiq Aznan	PR Value	RM 49,035
Frequency	Daily		



MPK tak pernah lulus acara

Shah Alam: Majlis Perbandaran Klang (MPK) tidak pernah meluluskan pertunjukan bunga api dalam program Fiesta GEGAR Klang 2016 di Kompleks Sukan Pandamaran, Klang, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung Baru dan Pemutihan Kilang Haram Selangor, Ean Yong Hian Wah berkata, ia berdasarkan siasatan awal dan rekod mesyuarat yang diadakan sebelum ini.


“Pertunjukan bunga api itu bukan satu komponen atau pertunjukan dalam program berkenaan.

“Pegawai yang terbabit dalam isu itu juga diarahkan untuk mengambil cuti bermula 3 Januari (semalam) hingga 31 Januari ini sementara menunggu laporan siasatan,” katanya di sini, semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri memandang serius insiden itu dan tindakan disiplin atau undang-undang akan dikenakan ke atas pihak yang didapati cuai serta menyalahgunakan kuasa.

Kata Ean, MPK akan terus bekerjasama dengan polis untuk menjalankan siasatan selanjutnya.

Headline	Juruletup tidak bertauliah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	40	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	127 cm ²
Journalist	Iskandar Shah Mohamed	AdValue	RM 5,003
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,009



INSIDEN LETUPAN BUNGA API

Juruletup tidak bertauliah

Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my

Shah Alam

“Ika esok (hari ini) masih tidak tampil, kita akan cari mereka.” Itu amaran Ketua Polis Selangor, Datuk Abdul Samah Mat kepada empat individu termasuk juruletup yang terbabit da-

■ 4 individu diarah tampil bantu siasatan

lam insiden letupan bunga api di Kompleks Sukan Pandamaran, Klang, Ahad lalu.

Siasatan polis mendapatkan semua lelaki tempatan berusia lingkungan 30 dan 40-an itu tidak mempunyai tauliah atau lesen sah bagi pertunjukan sempena program Fiesta Gegar Klang 2016 berkenaan.

Abdul Samah berkata, pihaknya sudah mengenal pasti identiti empat individu itu yang dipercayai dilantik Majlis Perbandaran Klang (MPK).

“Mereka membabitkan seorang juruletup dan tiga pembantu lain yang dikesan polis kerana turut didapati tidak bertauliah untuk per-

tunjukan bunga api itu.

“Justeru, kita memberi tempoh singkat kepada mereka supaya segera tampil bagi membantu siasatan,” katanya pada sidang media selepas Majlis Serah Terima Tugas Ketua Jabatan Pengurusan Selangor di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini, semalam.

Headline	Mana surat rasmi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	179,231
Page No	66,68	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	741 cm ²
Journalist	Aziman Rosdi	AdValue	RM 29,079
Frequency	Daily	PR Value	RM 87,237



Aziman Rosdi
aziman@hmetro.com.my

Shah Alam

Status bekas jurulatih Selangor Zainal Abidin Hassan sebenarnya masih misteri apabila hingga kini beliau masih belum menerima surat rasmi penamatkan kontrak daripada Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) selepas dipecat pada 7 Ogos lalu.

Bukan saja beliau seperti 'digantung tak bertali' malah lebih memeritkan apabila janji pihak pengurusan untuk bayaran penuh baki kontraknya hingga November tahun ini gagal dikotakan.

Difahamkan baki kontrak bekas pemain kebangsaan itu hampir RM900,000 selepas pengurusan hanya membuat bayaran secara bulanan sejak Ogos 2016 namun sudah tidak menerima gaji pada November dan Disember lalu.

'Mana surat rasmi?'

Zainal masih belum terima surat penamatkan kontrak, mohon pihak pengurusan bayar baki kontrak hampir RM900,000

Menurut Zainal, 55, beliau menerima keputusan perencanaannya itu secara profesional dan berharap pihak tertib turut profesional dalam menyempurnakan haknya seperti termaktub dalam kontrak.

"Saya ada berhubung dengan bekas pengurus Amirudin Sharri dan beliau berjanji untuk berbincang dengan Presiden FAS (Datuk Seri Mohamed Azmin Ali) mengenai perkara ini. Beliau berjanji untuk cuba menyelaskannya minggu

depan.

"Pihak pengurusan berjanji untuk membayar penuh baki kontrak apabila saya dipecat selepas itu saya masih menerima bayaran gaji bulanan tapi tiada bayaran pada November dan Disember. Saya di sini bukan untuk mempertahankan jawatan saya tapi hanya mahu hak saya seperti termaktub dalam kontrak," katanya dalam sidang media khas di kediannya semalam.

Zainal tidak sampai semusim mengendalikan skuad Red Giants apabila dipecat Ogos lalu atas ala-

san kemerosotan prestasi pasukan.

Bekas pemain kebangsaan dan Selangor itu mengakui masih belum menerima surat rasmi penamatkan kontraknya selepas beliau dimaklumkan dipecat menerusi satu mesej khidmat pesanan ringkas (SMS) dari-pada Azmin yang ditunjukkan oleh bekas penolong pengurus Hisham Gouth sele-

pas tamat perlawanan de-nan Kedah pada 6 Ogos la-lu.

"Saya hanya dimaklum-kan dipecat selepas tamat perlawanan dengan Kedah menerusi mesej yang ditunjukkan kepada saya oleh

Sham (Hisham). Selepas itu saya cuba untuk memberi penjelasan kepada Presiden dan pihak

pengurusan mengenai pres-tasi Selangor yang saya fikir adil sebelum saya dipecat namun rayuan saya itu ditolak sedangkan pada saya prestasi pasukan masih lagi stabil.

"Seminggu selepas saya dipecat, saya meminta surat rasmi pemecatan tapi hingga kini tidak dapat. Apa yang saya ada sebagai bukti saya dipecat adalah kenyataan media pemecatan saya oleh Amirudin serta laporan akhbar dan media sosial saja.

"Hingga semua masalah saya ini tidak selesai, saya tidak boleh langkah ke hadapan, saya seperti terikat," jelas Zainal.




Untuk video layar
www.hmetro.com.my/mymetrotv

Headline	Mana surat rasmi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	179,231
Page No	66,68	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	741 cm ²
Journalist	Aziman Rosdi	AdValue	RM 29,079
Frequency	Daily	PR Value	RM 87,237

MISTERI ZAINAL

› Zainal Abidin Hassan menganggap dirinya bagaikan 'digantung tidak bertali' oleh Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) kerana belum mendapat surat rasmi penamatkan kontrak selepas dipecat 7 Ogos lalu selain menuntut gaji baki kontraknya yang difahamkan hampir RM900,000. > 66

Headline	Mana surat rasmi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	179,231
Page No	66,68	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	741 cm ²
Journalist	Aziman Rosdi	AdValue	RM 29,079
Frequency	Daily	PR Value	RM 87,237





Zainal tuntut hak daripada FAS

Mahu baki gajinya diselesaikan segera seperti yang termaktub dalam kontrak

Oleh AHMAD FAZLI MOHD. YADI

BEKAS jurulatih Selangor, Zainal Abidin Hassan menuntut Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) agar melunaskan segera haknya selepas dipecat pada 6 Ogos lalu.

Zainal yang masih ada baki kontrak sehingga November 2017 bersama Selangor telah dipecat daripada jawatannya itu selepas skuad kendaliannya tewas 0-1 kepada Kedah pada kempen Liga Super 2016.

Cara pemecatannya itu juga tidak dibuat melalui saluran yang betul kerana ia hanya dimaklumkan menerusi laman sosial Facebook milik pengurusan pasukan ketika itu, Amirudin Shari atas arahan Presiden FAS, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.



ZAINAL berharap pihak FAS dapat menyelesaikan haknya seperti yang termaktub dalam kontrak pada kadar segera.

Menurut Zainal, dia kini mahukan surat pemecatan rasmi daripada FAS termasuk menyelesaikan tunggakan gajinya.

Setakat ini katanya, dia hanya dibayar sehingga bulan Oktober lalu, pada hal kontraknya hanya berakhir pada November 2017.

"Saya seolah-olah digantung tak bertali oleh FAS. Pemecatan saya juga dibuat menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) tanpa ada surat rasmi daripada persatuan. Situasi ini menyukarkan saya untuk mengintai sebarang jawatan bersama pasukan lain," jelas Zainal pada sidang akhbar khas di kediamannya di Shah Alam, Selangor semalam.

"Selepas tamat perlawanan menentang Kedah, saya telah dipanggil oleh penolong pengurus iaitu Hisham (Ghouth) dan memaklumkan mengenai pemecatan saya atas arahan Presiden (Azmin) menerusi SMS yang ditunjukkan kepada saya.

"Saya terpaksa menerima. Namun, selepas itu saya telah membuat temu janji untuk

berjumpa dengan pengurus pasukan (Amirudin) bagi menceritakan keadaan sebenar serta mengemukakan rayuan terhadap tindakan tersebut.

"Walaupun ketika itu skuad Selangor berada pada prestasi yang kurang baik, tetapi kedudukan dalam liga masih stabil. Saya akur bahawa pihak pengurusan berhak memecat saya tetapi mereka juga berhak mendengar rayuan saya terlebih dulu.

"Pihak pengurusan tetap dengan keputusan mereka dan saya menerima secara terbuka. Begitupun, mereka perlu memenuhi janji seperti yang termaktub dalam kontrak saya bersama Selangor.

"Selepas rayuan ditolak, mereka berjanji akan melunaskan baki kontrak saya.

"Memang satu Malaysia tahu saya dipecat, apa yang saya muah tuntut adalah keadilan serta hak saya seperti yang terkandung dalam kontrak," katanya lagi.

Zainal juga menjelaskan bahawa cara pemecatannya tidak mengikut prosedur tanpa diberikan notis atau surat rasmi persatuan.

Tambah Zainal lagi, beliau memahami risiko tugas sebagai jurulatih tetapi agak keliru dengan pemecatannya kerana permangku Setiausaha Agung FAS, Raja Restam Azhar Raja Jaafar mendedahkan bahawa pihak persatuan tidak mendapat arahan untuk mengeluarkan surat pemecatan tersebut.

"Apa yang saya tuntut telah termaktub dalam kontrak dan ia telah dipersetujui oleh pihak pengurusan. Saya tidak muah menyalahkan mana-mana pihak, apa yang saya minta cuma hak saya seperti yang termaktub dalam kontrak. Saya tidak boleh berdiam diri kerana saya juga muah meneruskan kerjaya saya sebagai jurulatih," jelas Zainal yang menerajui Pahang muncul juara Piala Malaysia musim 2014.



05 Jan 2017

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 249.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,247.00
PR value: MYR 12,741.00 • Item ID: MY0028087278

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Perlu ada pengganti beg plastik



Penyediaan beg kertas secara percuma juga adalah satu alternatif kepada pengguna.

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor seharusnya menyediakan bahan pengganti kepada plastik dalam pelaksanaan kempen #BebasPlastik yang dilancarkannya sejak 1 Januari lalu.

Pakar bidang kaunseling Universiti Teknologi Malaysia, Dr Roslee Ahmad, rakyat Malaysia memang sudah terbiasa dengan amalan bebas plastik setiap hari Sabtu, namun dalam langkah perluasan kempen kepada setiap hari sejak awal tahun ini mungkin agak tergesa-gesa.

“Pertama sekali, hasrat dan objek-

tif pelaksanaannya bagus kerana pendekatan berkenaan kita faham akan mendatangkan kesan yang baik untuk alam sekitar.

Selain itu, kempen tersebut juga dapat timbulkan kesedaran kepada orang awam dalam mengurangkan kurangan penggunaan plastik.

“Namun, kena tengok juga kepada keperluan pengguna dan pada hemat saya, kerajaan Selangor sepatutnya merangka satu bahan pengganti atau alternatif terutama di pasaraya. Seperti sesetengah negara di luar, me-

reka ada sediakan beg kertas sebagai ganti kepada plastik,” katanya.

Roslee turut mencadangkan beberapa langkah yang dilihat mampu menyokong kempen #BebasPlastik.

“Pada pendapat saya, antara langkah yang boleh dikaji ialah kempen di mana pasaraya bagi kredit kepada pengguna jika bawa bekas sendiri bagi menggantikan plastik, secara tidak langsung ini akan memberikan keuntungan kepada ketiga-tiga pihak iaitu pengguna, pasaraya dan alam sekitar,” katanya.



05 Jan 2017

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 137.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,337.00
PR value: MYR 7,011.00 • Item ID: MY0028087279



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

'Peniaga Jimat, Pengguna Terbeban'

SHAH ALAM – Langkah Kerajaan Selangor meluaskan kempen bebas plastik kepada tujuh hari seminggu merupakan langkah mudah namun yang menjadi mangsa adalah pengguna.

Itu antara respons Timbalan Pengerusi Umno Selangor, Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlam berhubung pelaksanaan kempen #BebasPlastik yang dilancarkan kerajaan Selangor sejak 1 Januari.

"Mereka tidak menandatangani perjanjian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), jadi mereka kena selenggara sampah sendiri.

"Sepertimana yang kita maklum, kos mengurus terutama plastik sangat tinggi. Barangkali disebabkan itu mereka memilih daya usaha ini untuk dilaksanakan," katanya.

Katanya lagi, langkah yang dilaksanakan itu mungkin dilihat dapat melestarikan alam sekitar namun hakikatnya pengguna yang terbeban kerana terpaksa membayar lebih atau mencari alternatif lain kepada plastik.

"Bagi kerajaan negeri dan peniaga mungkin ini langkah penjimatkan kos, tetapi pengguna terpaksa berbelanja lebih untuk membeli baki yang besar atau pelbagai jenis bekas yang bersesuaian jika ingin ke pasar atau membeli belah.

"Pada hemat saya, cara ini mudah tetapi tidak selesa bagi pengguna. Seharusnya mereka menguasakan penggunaan bekas-bekas mesra alam seperti beg kertas yang mudah luppen. Jangan banyak menyusahkan rakyat," katanya.



Pengguna terpaksa membawa kos 20 sen untuk beli beg plastik.



05 Jan 2017

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 39 • Printed Size: 282.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,810.00
PR value: MYR 14,430.00 • Item ID: MY0028087286

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Kontraktor sengaja sabotaj?

Tidak dilantik semula didakwa punca pihak itu tidak kutip sampah sejak seminggu lalu

SERI KEMBANGAN - Tidak dilantik semula untuk kontrak pembersihan baharu didakwa menjadi punca beberapa kontraktor melakukan sabotaj dan tidak mengutip sampah sejak seminggu lalu.

Adun Seri Kembangan, Ean Yong Hian Wah berkata, kontrak lama bagi kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) tamat pada 31 Disember lalu.

Bagaimanapun, katanya, ada beberapa kawasan di MPSJ mengalami masalah timbunan sampah tidak dikutip kontraktor masing-masing seminggu sebelum tempoh tamat kontrak berakhir.

Aduan paling serius diterima

di kawasan Pasar Kampung Baru Seri Kembangan, Taman Universiti Indah dan Taman Bukit Serdang Seksyen 5.

"Saya terima aduan kontraktor henti kutip sampah seminggu sebelum kontrak tamat, kes kontraktor sabotaj ni sering berlaku di mana-mana PBT bila dekat-dekat nak tamat tempoh kontrak.

"Akibatnya penduduk atau peniaga di kawasan komersil terpaksa hidu bau busuk sampah dan kawasan pembuangan sampah jadi terlalu kotor," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA)

MPSJ, Dr Roslan Mohamed Hussein berkata, pihaknya akan melaksanakan pemotongan bayaran perkhidmatan kepada kontraktor di kawasan terbabit.

Katanya, pihaknya akan menyemak bilangan hari kontraktor tidak membuat kutipan dan pemotongan bayaran dibuat seperti mana tindakan diambil sebelum ini.

"Kontraktor kawasan ini (Pasar Seri Kembangan) memang bermasalah...sebelum ini hamir setiap bulan ada saja bayaran dipotong.

"Kemungkinan besar mereka tahu tak dapat kontrak baru jadi mereka tak kutip sampah sebelum tempoh berakhir," katanya.



Ean Yong ketika meninjau keadaan sampah di Pasar Kampung Baru Seri Kembangan, semalam.

05 Jan 2017

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 39 • Printed Size: 282.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,810.00
PR value: MYR 14,430.00 • Item ID: MY0028087286



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Keadaan sampah yang bertimbun selepas kontraktor lama dikatakan menghentikan kerja-kerja kutipan sejak seminggu lalu.



Pemecatan *tidak adil*

MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY

BEKAS pengendali Selangor, Zainal Abidin Hassan menyifatkan pemecatan dirinya daripada skuad *The Red Giants* pada Ogos lalu sebagai tidak adil selain mendedahkan tunggakan gaji seperti yang dipersetujui dalam kontrak sebelum ini masih belum dilunaskan sepenuhnya.

Kenyataan Zainal itu menambah luka dalam kemerlutan membabitkan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) dan bekas Presiden FAS, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Zainal yang hanya sempat membimbing Selangor selama lapan bulan mengenai pemecatannya selepas namanya turut diaktaikan dalam kemerlutan.

“Sebelum ini saya diam kerana saya terima pemecatan yang telah dibuat. Tetapi apabila nama saya disebut dalam kemerlutan ini, saya ambil tindakan untuk menjelaskan tentang apa sebenarnya yang berlaku,” katanya pada sidang media di Shah Alam, semalam.

Menurutnya, beliau mendapat tahu pemecatannya melalui satu

pesan ringkas yang dihantar Mohamed Azmin melalui Penolong Pengurus Pasukan Selangor, Noor Hisham Mohd Ghouth selepas berakhir perlawanan Selangor menentang Kedah pada 8 Ogos 2016.

Zainal berkata, ketidakadilan berlaku apabila dia tidak diberikan peluang untuk memperjelas sebab kemerosotan selain rayuannya tidak dilayan.

“Tetapi seperti yang dijelaskan, saya terima pemecatan tersebut cuma sedikit terkilan kerana tidak sempat memperjelas situasi.

“Lagipun, pada waktu itu kedudukan pasukan Selangor masih stabil kerana berada di kedudukan ketiga Liga Super.

“Kerana itu saya minta ruang untuk buat rayuan dan beri penjelasan,” katanya.

Tambah parah apabila Zainal turut belum menerima surat pemecatannya secara sah daripada pengurusan lama di bawah bekas pengurus Selangor, Amirudin Shari selain gaji yang dijanjikan masih belum dilunaskan sejak November lalu.

Kata Zainal, ekoran tiada surat sah pemecatannya itu, ia



Zainal menunjukkan kenyataan media yang bertarikh 7 Ogos 2016 tentang penamatkan kontrak sebagai ketua jurulatih pada sidang media mengenai isu tunggakan gaji dan memohon surat rasmi peletakan jawatan daripada pengurusan lama FAS, semalam.

menyukarkan dirinya untuk meneruskan karier kejurulatihan ke negeri lain kerana secara tidak langsung masih terikat dengan FAS.

“Saya mohon beri saya surat yang menyatakan saya dipecat dan gaji seperti yang dipersetujui dalam

kontrak, dan saya tidak akan bising lagi selepas ini.

“Saya tak nak salahkan mana-mana pihak, saya buat sidang media ini untuk tuntut hak saya,” katanya.

Pemecatan Zainal, 54, disebabkan kemerosotan prestasi skuad Gergasi Merah selepas

tewas buat kali keempat berturut-turut dalam saingan Liga Malaysia musim lalu.

Zainal menandatangani kontrak bersama Gergasi Merah Kuning untuk tempoh dua tahun dan dijadualkan berakhir pada November tahun ini.

Headline	Juruletup bunga api diminta tampil bantu siasatan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	10	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	107 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,054
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,161



Juruletup bunga api diminta tampil bantu siasatan

SHAH ALAM - Empat individu termasuk seorang juru letup dan tiga pembantu diminta tampil bagi membantu polis berhubung kejadian letusan bunga api di Fiesta Gegar Klang, pada sambutan 2017 lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Abdul Samah Mat berkata, empat lelaki berusia 30 hingga 40-an itu diberi masa sehingga petang ini sebelum pihaknya bertindak lebih lanjut.

Menurutnya, seorang juruletup sepatutnya memiliki lesen daripada polis dan Bahagian Geosains Kementerian Dalam Negeri.

"Namun juruletup yang dicari polis itu dipercayai tidak mempunyai lesen berkenaan," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis serah terima tugas Ketua Jabatan Pengurusan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, semalam.

Menurutnya, kes itu kini disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Letupan 1957.

Beliau berkata, kemungkinan individu yang dicari itu tidak menyorok, sebaliknya bimbang untuk tampil bertemu polis.

Justeru katanya, polis menggunakan saluran media untuk menggesa individu berkenaan datang bertemu pihak berkuasa untuk membantu siasatan.

"Polis dah tahu siapa mereka dan yakin boleh menemui individu terbabit (jika tetap tidak menyerah diri). Bagi kita sedikit masa," katanya.

Menurutnya, empat individu terbabit bukan kakitangan Majlis Perbandaran Klang, sebaliknya pihak luar yang dilantik oleh majlis perbandaran itu.

"Satu pasukan khas telah ditubuhkan bagi menjalankan siasatan insiden tersebut.

"Sehingga kini, polis sudah mengambil keterangan 21 individu bagi membantu siasatan," katanya.

Dalam kejadian malam Sabtu lalu, 16 orang cedera terkena letusan bunga api pada acara Fiesta Gegar Klang 2016 di Kompleks Sukan Pandamaran.

Headline	Sumbangan segera kepada mangsa banjir di Sungai Ramal Dalam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	40	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	169 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,883
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,649



Sumbangan segera kepada mangsa banjir di Sungai Ramal Dalam



Shafie (kanan) bersama penduduk dan Ahli Majlis MPKj melihat kawasan tebing runtuh.

KAJANG - Adun Bangi bersama Pegawai Daerah Hulu Langat giat menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di Sungai Ramal Dalam, di sini, baru-baru ini.

Shafie Ngah berkata, beliau yang baharu pulang dari Perak bergegas ke lokasi kejadian setelah dimaklumkan berkenaan banjir yang melanda rentetan hujan lebat.

"Sumbangan kecemasan telah diberikan kepada mangsa banjir bagi meringankan beban mereka. Ia juga sebagai tanda prihatin kerajaan negeri melalui Pejabat Daerah Hulu Langat kepada mangsa banjir

disekitar Sungai Ramal Dalam," katanya.

Dalam pada itu, Shafie bersama Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) Hamsatulazura Hamzah turut meluangkan masa melawat lokasi tebing runtuh di Taman Teratai.

"Ahli Majlis MPKj pandang serius insiden ini, perkara ini telah dimaklumkan kepada MPKj bagi mencari penyelesaian secepat mungkin. Beberapa rumah juga berada sangat hampir dengan tebing. Langkah awal telah diambil dengan memasang kanvas di tebing itu. Kerja perbaiki cerun telah dijalankan kontraktor," katanya.

Headline	Perkhidmatan bas secara percuma		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	42	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	36 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 354
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,063



Perkhidmatan bas secara percuma

KUALA SELANGOR – Perkhidmatan Bas SmartSelangor yang disediakan kerajaan negeri secara percuma untuk kemudahan penduduk di daerah ini sejak Jun lalu.

Perkhidmatan itu beroperasi di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) bermula Terminal Bas dan

Teksi Kuala Selangor sehingga Perhentian Bas Sekinchan bermula jam 6.20 pagi sehingga 8.20 malam.

Laluan dengan kekerapan 75 minit itu melalui pekan Kuala Selangor, Tanjung Karang dan Sekinchan. Orang ramai boleh melayari laman web MDKS untuk maklumat lanjut.

BEREBUT MENJADI CALON PM

AKHBAR Oriental Daily bertarikh 29 Disember 2016 melalui Kolumn ODN memaparkan tulisan Cheah See Kian yang mempersoalkan kewajaran mengumumkan calon perdana menteri pembangkang.

Pada 1972, semua parti pembangkang utama seperti Pas, Gerakan, PPP, dan SUPP telah diserap ke dalam ke dalam Parti Perikatan sebelum menukar nama kepada Barisan Nasional (BN) pada 1974. Selepas itu, tiada lagi parti yang mampu melaungkan slogan menukar kerajaan sehingga Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan gerakan reformasi pada 1999.

Anwar selaku pemimpin PKR menubuhkan Barisan Alternatif bersama DAP dan Pas. Beliau sering disebut calon perdana menteri tetapi keputusan PRU menunjukkan hanya Pas mendapat untung, kekal memerintah Kelantan dan menambah ahli Parlimen sementara PKR kecundang.

Selepas itu, kem pembangkang tidak lagi mengemukakan calon perdana menteri kerana tidak yakin mam-pu menumbangkan BN. Pada PRU 2004, terbukti kecederaan pembangkang sangat parah.

Pada PRU 2008 pula, Anwar tidak yakin pembangkang mampu mendapat keputusan yang baik tetapi akhirnya empat negeri tumbang ke tangan pembangkang. Ketika PRU 2013, Pas tidak setuju hanya Anwar layak menjadi calon perdana menteri dan mengemukakan nama Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Pas juga membantah dan menghalang pilihan raya kecil di Selangor untuk membolehkan Anwar menjadi menteri besar, menunjukkan Pas tidak setuju dengan kepimpinan Anwar. Hari ini, pembangkang bertambah satu lagi parti iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan sudah tentu mereka tidak boleh mengumumkan awal calon perdana menteri.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad buat masa ini belum mahu mengumumkan calon perdana menteri pembangkang supaya tidak berlaku perbalahan dalaman di antara parti pembangkang tetapi perbalahan itu tetap berlaku.

Beliau mencadangkan penamaan calon tersebut ditetapkan apabila tarikh PRU sudah dekat dan perlu mendapat sokongan semua parti pembangkang. Anwar di dalam penjara, Kit Siang pula mahu Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail sebagai calon perdana menteri bagi meruskan kesinambungan menyokong Anwar.

Bagaimanapun, masa dan keadaan telah berubah, tiada siapa dapat meramal siapa berpeluang menjadi pemimpin utama pembangkang. Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali masing-masing mempunyai peluang.

Seperti apa disebut Dr. Mahathir, lebih baik tidak umumkan awal calon perdana menteri kerana semua itu belum dapat dijangka lagi terutama sekali dengan Pas dalam keadaan tidak bersuara dan tidak mengikut rentak pembangkang.

REAKSI

